

Mobile Money News Clipping

Utusan Malaysia, 5 October 2005

Mobile Money

Pembayaran melalui telefon

Oleh NOOR FAZRINA NOOR
KAMAL

HONG LEONG Bank Berhad (HLB) baru-baru ini menandatangani perjanjian dengan Mobile Money International Sdn Bhd (Mobile Money) bagi satu produk pembayaran terkini yang dinamakan *The Hong Leong Mobile Credit Card*.

Dengan kerjasama ini, pelanggan HLB boleh menggunakan telefon bimbit untuk melakukan segala transaksi seperti pembelian barangan mahupun perkhidmatan dengan lebih mudah serta menjimatkan masa dan kos.



PEMBAYARAN melalui telefon kini semakin popular. - Gambar hiasan.

'Mobile Money', merupakan penyelesaian pembayaran yang membolehkan pelanggan dengan telefon bimbit melakukan transaksi menggunakan Nombor Identifikasi Peribadi (PIN) yang dihantar oleh pihak bank melalui Sistem Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) untuk melakukan transaksi harian seperti pembelian barangan atau perkhidmatan.

Tambahan lagi, selepas selesai sesuatu transaksi, satu SMS akan diterima oleh pelanggan dan pihak bank bagi memastikan transaksi tersebut telah berjaya dilakukan.

Pengarah Urusan Bahagian Perkhidmatan Kad HLB, **Tham Kah Fook** berkata, segala pembayaran dibuat menerusi telefon bimbit dan PIN keselamatan tersebut akan dicaj kepada akaun pelanggan.

"Sistem ini direka penuh dengan ciri keselamatan demi memastikan hanya transaksi 'tulen' yang dibenarkan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara HLB dan Mobile Money di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Tham, buat masa ini segala transaksi akan dicajkan melalui kad kredit pelanggan dan dalam fasa kedua menerusi akaun simpanan serta akaun cek.

Pada masa akan datang, Malaysia akan dilengkapkan

gan segala kemudahan pembayaran tanpa perlu menggunakan wang tunai, kad kredit, buku cek, ataupun melalui talian Internet.

Namun, tanggapan orang ramai tentang keupayaan sistem ini serta ciri-ciri keselamatannya sering menjadi persoalan utama.

Menyadari hakikat ini, 'Mobile Money' menekankan ciri keselamatan yang amat dititik beratkan dalam proses ini dan atas kesedaran itu mereka menyediakan sembilan peringkat keselamatan untuk mengurangkan risiko 'pencerobohan'.

Pengarah Urusan Mobile Money, **Lee Eng Sia** pula berkata, sistem ini amat selamat kerana menggunakan 'sistem lingkaran tertutup' *close loop system*.

"Teknologi ini yang pertama seumpamanya di dunia, ia menggabungkan teknologi telekomunikasi terkini dengan teknologi maklumat IT) dan ditambah dengan inovasi dari sektor perbankan.

Pelanggan yang melakukan transaksi juga akan merasai 'rebet segera' dan *e-cash* yang telah terkumpul tersebut boleh digunakan untuk membuat apa jua transaksi di mana-mana kedai cawangan 'Mobile Money'.

Dalam majlis tersebut, HLB diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif bahagian Perkhidmatan Kewangan, **Peter England**, Pengarah Urusan Kumpulan HLB, **Yvonne Chia** manakala Mobile Money diwakili oleh Pengarah Urusannya, **Lee Eng Sia**.

Mobile Money News Clipping

Harian Metro, 20 October 2005

MOBILE MONEY LANCAR KHIDMAT MOBILE ATM

BELI-BELAH, BAYAR BIL GUNA TELEFON BIMBIT

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my



LEE

RAKYAT Malaysia kini tidak perlu lagi membawa wang tunai, kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) atau kad kredit untuk membeli-belah atau membayar bil dengan pengenalan perkhidmatan pembayaran 'Mobile ATM'.

Teknologi yang dibangunkan Mobile Money International Sdn Bhd (Mobile Money Intl) itu berasaskan konsep mudah alih menggunakan telefon bimbit yang menggabungkan teknologi telekomunikasi terkini dalam bidang perbankan.

Pengarah Urusan Mobile Money Intl, Lee Eng Sia, berkata Mobile ATM tersedia bagi pelanggan bank yang menyertainya dan pelanggan hanya perlu mendaftar dengan penyedia perkhidmatan untuk mengurus niaga dengan peniaga yang mengambil bahagian.

"Ketika ini perkhidmatan itu akan diperkenalkan kepada dua bank tempatan, Hong Leong Bank dan Bumiputera Commerce masing-masing pada akhir Oktober dan November ini.

"Apa yang penting pelanggan perlu mempunyai akaun simpanan, semasa dan akaun kad kredit untuk menjalankan urusan niaga," katanya pada majlis taklimat media di Puchong, Selangor, semalam.

Kerjasama dengan dua bank itu secara tidak langsung memberikan peluang kepada Mobile Money Intl untuk mendapatkan jumlah pelanggan yang lebih ramai memandangkan jumlah pelanggan kedua-dua bank itu adalah 3.5 juta orang.

Perkhidmatan berkenaan akan diluaskan kepada dua bank tempatan lain yang memiliki jumlah pelanggan yang sama pada awal tahun depan.

Lee berkata syarikatnya yakin untuk memperoleh pendaftaran sekurang-kurangnya 100,000 peniaga sepanjang tempoh 12 bulan akan datang kerana ketika ini ada lebih 2,500 peniaga berdaftar.

Menurutnya, Mobile ATM berbeza dengan wang tunai, kad kredit dan cek dengan pelanggan boleh membuat pema-

ayaran di mana saja dengan hanya menggunakan telefon bimbit.

"Terdapat dua cara pelanggan boleh membuat pembayaran iaitu secara bersemuka di cawangan yang mengambil bahagian dengan memberikan nombor e-Cash untuk membuat pembayaran dan nombor itu sah untuk satu transaksi saja, namun kami akan memasukkan nombor e-Cash lain untuk urusan berikutnya.

"Kaedah kedua adalah pembelian barangan dan perkhidmatan melalui telefon, faks, e-mel atau secara terus di mana pelanggan memberikan nombor telefon mudah alih dan mereka akan menerima sistem pesanan ringkas (SMS) untuk pembayaran, kemudian mengesahkan pembayaran dengan nombor pengenalan peribadi (PIN) keselamatan enam angka," katanya.

Pelanggan juga diberikan rebat tunai serta-merta dan wang tunai terkumpul itu boleh digunakan untuk pembelian di jualan Mobil Money Intl.



Mobile Money News Clipping

Berita Harian, 21 October 2005

Telefon selular jadi ATM

Telefon selular berfungsi seperti mesin ATM yang lengkap dengan nombor PIN dan mudah diguna untuk membuat bayaran

Oleh Huzaili Taufiq Hisham

FUNGSI telefon selular bukan lagi terbatas hanya kepada menerima atau membuat panggilan, pesanan ringkas, atau menonton siaran televisyen malah ia kini boleh bertindak sebagai mesin juruwang automatik (ATM) apabila pengguna memanfaatkan teknologi 'Mobile Money Access To Mobile' (Mobile ATM) yang dibangunkan syarikat tempatan, Mobile Money International Sdn Bhd (Mobile Money).

Teknologi berkenaan membolehkan telefon selular berfungsi seperti mesin ATM yang lengkap dengan nombor PIN peribadi. Ada dua kaedah bagaimana menggunakan telefon selular sebagai mesin ATM, pertama ketika pertemuan semula antara pembeli dan penjual yang mengambil bahagian dalam skim ini.

Pelanggan hanya perlu memberikan nombor eCash kepada peniaga dan nombor eCash itu hanya sah untuk satu urusan niaga saja. Selepas digunakan, Mobile Money secara automatik akan memasukkan satu lagi nombor eCash ke dalam telefon selular pelanggan.

Kaedah pembayaran kedua ialah pembelian barangan menggunakan telefon,

faksimili, mel elektronik dan internet. Pelanggan hanya perlu memberikan nombor telefon selular mereka kepada peniaga dan selepas itu mereka akan menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) pemintaan pembayaran daripada Mobile Money.

Untuk tujuan pengesahan pembayaran, pelanggan perlu memasukkan nombor PIN keselamatan enam digit mereka.

Pengarah Urusan Mobile Money, Lee Eng Sia, berkata pelanggan kini tidak lagi perlu membawa wang tunai, kad kredit, cek atau melayari internet untuk membayar bil atau melakukan pembayaran di kedai jualan kerana mereka boleh menggunakan teknologi Mobile Money bagi membuat pelbagai bayaran.

"Berbeza dengan wang tunai, kad kredit, dan cek yang mempunyai kelemahan masing-masing, sebahagiannya kerana kekurangan ciri keselamatan dan fleksibiliti. Apa yang penting dengan adanya teknologi berkenaan, seseorang boleh melakukan pembayaran secara jarak jauh dan boleh melakukan pembayaran tanpa perlu ke kedai," katanya pada sidang akhbar di Puchong, baru-baru ini.

Dua bank tempatan iaitu Hong Leong



“Apa yang penting dengan adanya teknologi berkenaan, seseorang boleh melakukan pembayaran secara jarak jauh dan boleh melakukan pembayaran tanpa perlu ke kedai”

Lee Eng Sia
Pengarah Urusan Mobile Money

Bank dan Bumiputera Commerce Bank akan menawarkan perkhidmatan ini kepada pelanggan mereka dengan memberikan tiga akaun iaitu kad kredit, simpanan dan semasa dan akan menolak jumlah wang di dalam akaun untuk urus niaga yang dilaksanakan.

Ketika ini, lebih 2,500 peniaga sudah mendaftar dengan Mobile Money untuk menggunakan perkhidmatan itu.

Beliau berkata, Mobile ATM tidak memerlukan peniaga membuat pelaburan tambahan seperti membeli terminal khas kerana apa yang diperlukan ialah telefon sama ada talian tetap atau selular serta sambungan internet.

"Urusan urus niaga juga adalah rendah iaitu antara 30 hingga 40 peratus berbanding yang dikenakan syarikat kad kredit dan produktiviti mereka akan meningkat kerana ia dapat mengurangkan kesulitan mengendalikan wang tunai dan cek. Kelebihan kepada pengguna ialah mereka tidak dikenakan sebarang caj jika menggunakan perkhidmatan Mobile ATM," katanya.

Lee berkata, teknologi Mobile ATM kini sedang dalam proses untuk mendapatkan paten kerana ia adalah yang pertama seumpamanya di dunia.

Mobile Money News Clipping

Kwong Wah Yit Poh, 23 October 2005

全球首创科技 Mobile ATM 让您随时随地进行交易



Mobile Money 标志。

(吉隆坡讯)可曾想过,随着日新月异的科技进展,会让您的手机多元用途化?这并非想象中事。随着全球首创的 Mobile Money Access To Mobile(简称 MM ATM)付款服务的推出,大马人即将能够在任何时候、任何地点享有付款及为任何人付款的自由。

这项全球首创的科技把资讯科技和电讯科技一并结合,同时也为银行领域带来创新的一页。这项系统让手机的功能渐渐演变成一台备有密码的流动提款机。

如今,消费者可在免现金、免信用卡、免支票和免上网的方式下在商店缴交帐单或付款。他们所需要的只是一台手机,这样,通过 Mobile ATM,就能方便快速简明的付款了。

目前, Mobile Money Intl 已与全马超过 2500 家商店进

行合作关系,而预计在短期内将和数家大规模商家合作。此外,该公司亦已委任超过 5 千名代理以建立商业网络和招揽 Mobile ATM 新会员。

2 个方式付款

MM ATM 用户可透过 2 个方式以 Mobile ATM 付款。如在参与的商店消费时,只需提供一个电子现金密码给商店即可。此电子现金密码只供单项交易。一旦被使用, Mobile Money Intl 将自动把下一个电子现金密码传到用户手机,让他们进行下一次的交易。

而第二个方式是透过电话、传真、电邮或上网进行付款。在这里,用户将他们流动号码提供给商家, Mobile Money Intl 随后将传一个付款要求简讯给用户,然后用户将提供 6 个数目的保安密码以确定付款。

Mobile ATM 除



Mobile Money Intl 私人有限公司董事经理李英城。

了方便,也是个非常安全环闭式付款系统。除了密码保安,另外亦增设了 8 层的保安,将盗用的风险减到最低点。除此之外, Mobile ATM 也提供奖赏。在用户的每项交易上都可获得即时的回扣,用户将能够凭累积的现金在 Mobile Money 任何一家零售商店购物。

Mobile ATM 符合马来西亚国家银行的要求,目前也正积极申请全球专利。另外,丰隆银行土著联昌银行亦将会是首先推行 Mobile ATM 的两家银行。#

